

Gadis Vietnam mengaku bersalah melacur

KUCHING: Seorang gadis warganegara Vietnam didenda ~~RM3,000~~ atau dua bulan penjara oleh Mahkamah Majistret, semalam selepas mengaku bersalah melacurkan diri di sebuah pusat komersial di sini pada penghujung Mei lalu.

Tertuduh berusia 18 tahun itu membuat pengakuan tersebut setelah pertuduhan dibacakan kepadanya oleh jurubahasa mahkamah di hadapan Majistret Zubaidah Sharkawi.

Mahkamah juga memerintahkan tertuduh dirujuk ke Jabatan Imigresen Malaysia untuk tindakan selanjutnya.

Menurut pertuduhan, tertuduh didakwa mencari langganan bagi maksud persundalan pada 25 Mei lalu, jam lebih kurang 3 petang di sebuah bilik di pusat komersial di Jalan Stutong di sini.

Berdasarkan keterangan kes, sepasukan polis daripada Ibu Pejabat Daerah Kuching melakukan Ops Noda di premis berkenaan pada hari kejadian susulan tempat berkenaan disyaki menjalankan aktiviti persundalan.

Semasa serbuan dilakukan, pihak polis menemui tertuduh bersama-sama seorang pelanggan iaitu seorang anggota polis yang sedang menyamar ketika itu.

Hasil siasatan polis mendapati tertuduh mengaku melakukan tawar-menawar perkhidmatan seksual kepada pelanggan lelaki dengan bayaran RM300.

Sehubungan itu, tertuduh telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 372B Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga setahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Tertuduh tidak diwakili peguam.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa, Inspektor Nur Syafiqah Nyaie Ilin.